

Headline	FAMA sasar jualan RM1 bilion		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	4	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	301 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,811
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,433



398 pasar tani beroperasi di seluruh negara, tawar penjimatan hingga 20 peratus

FAMA sasar jualan RM1 bilion



ABDUL YUNUS (dua dari kanan) melawat gerai jualan selepas melancarkan Program Jualan Jimat Belanja Aidilfitri @ pasar tani peringkat negeri di Tapah semalam.

TAPAH – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasarkankan nilai jualan sebanyak RMI bilion dapat dijana melalui pasar tani di seluruh negara pada tahun ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Usahawan) FAMA, Basri Jasmu berkata, peningkatan nilai jualan itu berdasarkan penambahan 25 buah pasar tani baharu di setiap negeri pada tahun ini.

Menurutnya, berbanding pada tahun lepas, nilai jualan yang dihasilkan adalah sebanyak RM850 juta melibatkan 757 buah pasar tani di seluruh negara.

“Nilai jualan dalam tempoh empat bulan pada tahun ini amat menggalakkan dan kita menasarkankan peningkatan nilai jualan sepa-

jang tahun ini boleh mencecah sebanyak RM900 juta sehingga RMI bilion,” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas majlis pelancaran Program Jualan Jimat Belanja Aidilfitri @ pasar tani peringkat negeri di tapak letak kereta Masjid Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di sini semalam.

Majlis pelancaran itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan negeri, Abdul Yunus Jamhar.

Sementara itu, mengulas mengenai program berkenaan, Basri memberitahu, ia diadakan bertujuan memberi peluang kepada pengguna mendapatkan barangan keperluan seperti daging, ayam,

sayur-sayuran, kuih-muih serta ketupat dan rendang.

Katanya, sejumlah 398 pasar tani beroperasi selama lima hari bermula Jumaat lepas sehingga esok yang memberi penjimatan kepada pengguna antara lima peratus hingga 20 peratus.

Dalam pada itu, Basri berkata, FAMA turut menganjurkan program ‘My Best Buy’ Pra-Aidilfitri 2019 yang bermula sejak 25 Mei sehingga esok di 18 lokasi terpilih.

“Program yang dilaksanakan sejak 2014 melibatkan 720 peserta program itu menasarkankan 70,000 pengunjung dan ia menawarkan pelbagai produk antaranya ialah hasil laut serta barangan runcit seperti minyak, bawang, tepung dan gula,” katanya.